

VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE

Sulodexide (250LSU)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE
2. Bagaimana VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE
4. Cara menggunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE
5. Semasa menggunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor Siri

Apakah kegunaan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE
VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE digunakan untuk patologi vaskular dengan risiko trombosis.

Bagaimana VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE berfungsi
VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE mengandungi sulodexide, sejenis bahan yang boleh mengelakkan pembentukan trombus (darah beku) dalam arteri dan vena. Aktiviti antitrombotik sulodexide ini berpunca daripada perencatan sesetengah faktor koagulasi, terutamanya faktor X teraktif serta pengagregatan platelet dan pengaktifan sistem peredaran darah dan dinding fibrinolitik. Sulodexide juga merupakan agen penipisan darah dan juga membantu mengekalkan tahap lipid yang optimum dalam darah.

Sebelum menggunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan gunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE
 - Sekiranya anda alah (hipersensitif) kepada sulodexide atau mana-mana bahan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE atau alah kepada heparin atau ubat seperti heparin.
 - Sekiranya anda mempunyai penyakit pendarahan atau diatesis hemoraj.
- *Sebelum mula menggunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE*
Oleh kerana bahan ini mempunyai tahap ketoksikan yang rendah, tiada langkah berjaga-jaga yang tertentu ketika penggunaan. Walau bagaimanapun, parameter *haemocoagulative* perlu dipantau secara berkala sekiranya rawatan dengan antikoagulan sedang dijalankan.
- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
Oleh kerana sulodexide merupakan molekul seperti heparin, ia boleh meningkatkan kesan antikoagulasi heparin dan bahan antikoagulasi oral yang lain sekiranya diambil pada masa yang sama. Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan dan maklumkan mereka sekiranya anda sedang atau telah mengambil sebarang ubat pada masa terdekat,

termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Cara menggunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE

- *Berapa banyak harus digunakan*
Kapsul: 1 kapsul dua kali sehari.
- *Bila perlu digunakan*
VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE seharusnya diambil jauh daripada waktu pemakanan iaitu beberapa jam sebelum atau selepas makan.
- *Berapa lama perlu digunakan*
Secara umumnya, ia adalah dinasihatkan untuk memulakan rawatan dengan ampul dan selepas 15 – 20 hari, teruskan rawatan dengan kapsul selama 30 – 40 hari. Panduan terapeutik ini seharusnya diulangi dua kali dalam setahun. Posologi boleh diubah dari segi kuantiti dan frekuensi atas nasihat doktor.
- *Jika terlupa menggunakan*
Sekiranya anda terlupa untuk mengambil VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE pada masa yang tepat, anda hendaklah mengambil dos yang terlepas dengan segera. Walau bagaimanapun, sekiranya waktu untuk pengambilan dos seterusnya kian menghampiri, tinggalkan dos yang dilupakan itu. Jangan mengambil dos berganda untuk memampas dos yang dilupakan.
- *If mengguna berlebihan (terlebih dos)*
Sekiranya anda mengambil dos VESSEL DUE F 250

VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE

Sulodexide (250LSU)

LSU CAPSULE yang berlebihan, dapatkan nasihat doktor anda. Pendarahan mungkin berlaku sekiranya terlebih dos.

Semasa menggunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE

- Perkara yang perlu dilakukan
 - Simpan risalah ini di tempat yang selamat kerana anda mungkin ingin membacanya lagi.
 - Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan lain atau mempunyai perkara yang tidak difahami, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.
 - Selalu ikuti arahan doktor anda dengan teliti.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
 - Jangan hentikan pengambilan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE apabila anda merasa lebih baik, kecuali atas nasihat doktor atau ahli farmasi anda.
 - Jangan ambil VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE untuk merawat masalah atau rungutan lain kecuali jika doktor anda memberi preskripsi untuknya.
- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ambil perhatian khusus dengan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE sekiranya anda sedang dirawat dengan ubat penipisan darah. Ini kerana

doktor anda perlu memeriksa keadaan darah anda dengan kerap.

Kesan-kesan sampingan

Kadang-kadang berlaku.

Kapsul: Gangguan sistem gastroenterik dengan rasa loya, muntah-muntah dan epigastralgia.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau jika anda mempunyai sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my [Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C.
Jauhi daripada pencapaian dan penglihatan kanak-kanak.
Jangan gunakan VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak.
- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air buangan atau buang isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara membuang ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah – langkah ini akan melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

VESSEL DUE F 250 LSU CAPSULE merupakan kapsul yang berwarna merah bata dan berbentuk bujur. Kapsul ini dibungkus di dalam kotak kadbod yang mengandungi 2 blister. Setiap blister mengandungi 25 kapsul lembut.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif
Sulodexide
 - Bahan-bahan tidak aktif
Sodium lauryl sarcosinate, silicon dioxide, triacetin, gelatine, glycerol, sodium ethyl parahydroxybenzoate, sodium propyl parahydroxybenzoate, titanium dioxide E171, red iron oxide E172.
- Nombor MAL

MAL19992679AZ

Pengilang

ALFASIGMA S.P.A
Via Enrico Fermi, 1 – 65020
Alanno (PE), Italy

Pemegang Pendaftaran

Produk

EP PLUS GROUP SDN. BHD.
Block C-3-1, Plaza Mont Kiara
No 2, Jalan Kiara, Mont Kiara
50480 Kuala Lumpur

Tarikh kemaskini RiMUP

26/06/2019

Nombor Siri

NPRA (R1/1) 6082019/186